

26 FEB 2003

ANCAMAN PERANG DI IRAQ DAN MASALAH RAKYAT PALESTIN TUMPUAN MESYUARAT  
OIC

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Serangan yang bakal dilancarkan pasukan yang diterajui Amerika Syarikat ke atas Iraq dan keadaan meruncing di Palestin akan dibincangkan secara panjang lebar pada mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini hari ini.

Memanfaatkan peluang kehadiran pemimpin-pemimpin OIC yang berada di sini bagi Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang berakhir malam tadi, mesyuarat di Pusat Dagangan Dunia Putra itu akan dihadiri oleh 48 daripada 57 negara anggota OIC.

Empat belas pemimpin OIC telah mengesahkan kehadiran mereka. Sebanyak 50 daripada 116 negara anggota NAM merupakan anggota OIC.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memulakan mesyuarat itu dengan ucapan alu-aluan.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu pemberita semalam bahawa beberapa negara yang bukan anggota NAM akan diwakili pada peringkat duta.

-- BERNAMA

HS MFJ RHM